

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Saudara Kamil Suhaimi, Pegawai Melayu Singapura telah menyatakan bahawa terjemahan Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam dalam bahasa Melayu itu banyak salah dan tidak tepat dan mungkin mengelirukan. Terjemahan itu, menurutnya, “menyebabkan saya menganggap naskhah itu (naskhah Melayu) tidak boleh dijadikan pegangan sama sekali.” dan menuntut supaya terjemahan itu ditarik balik dan diterjemahkan semula.

Terjemahan yang sedemikian ini, dari jabatan kerajaan yang bertanggungjawab yang menghendaki supaya undang-undang itu dikaji oleh orang ramai sepatutnya tidak gelojoh dikeluarkan begitu sahaja sebelum disemak sebaik-baiknya. Siapa pun yang menterjemah tidak menjadi soal tetapi menjadi suatu kewajipan bagi kerajaan mempertanggungjawabkan terjemahan itu – tidak menyiarkannya begitu sahaja dengan bergopoh-gopoh yang menunjukkan kerajaan, yang berkenaan, menghendaki supaya rang undang-undang yang dikemukakan di dalamnya, umumnya orang-orang Melayu yang akan terbabit seolah-olah menghendaki bahawa penerimaan kepada rang undang-undang itu disegerakan dengan tidak dihalusi terlebih dahulu. Apakah sesuatu cara dibuat di dalam perkara yang begitu mustahak sesuatu terjemahan tidak dipertanggungjawabkan? – Inilah tentunya fikiran orang Islam timbul kecuaiannya kerajaan menyiarkan sesuatu terjemahan apalagi terjemahan itu mengenai sesuatu undang-undang.

\* \* \*

Majlis Pelajaran Melayu Singapura dikatakan akan menyiasat sebab-sebab kemerosotan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang menggunakan bahasa pengantarnya bahasa

Melayu tahun ini yang didapati oleh murid-murid Melayu. Daripada 1,400 orang calonnya hanya 285 orang yang lulus iaitu 19.39 peratus sahaja dan jika dibandingkan bilangan itu adalah jauh lebih sedikit daripada tahun yang lalu. Mereka difahamkan akan mengadakan suatu mesyuarat khas bagi menyiasat bagaimana sebab-sebabnya merosot bilangan murid-murid yang lulus itu.

Kalau hendak menyiasat mengapa tidak berjayaanya murid-murid Melayu di dalam usahanya mengambil Sijil Pelajaran Malaysia itu adalah sangat mustahak memerhati dan melihat sendiri sebab musababnya – bukan memberi fikiran sahaja di meja mesyuarat dan bukan diambil daripada fikiran atau pendapat guru-guru yang mengajar itu sahaja. Kewajipan bagi penyiasat-penyiasat itu mestilah duduk di sekolah, memerhatikan gerak geri dan cara murid-murid di sekolah dan sepulangnya dari sekolah, di persinggahan bas dan lain-lainnya terutamanya daripada sekolah *intergrated* yang dicampurkan di antara murid-murid lelaki dengan perempuan. Sesudah menyiasat itu tentulah nanti Majlis Pelajaran Melayu akan dapat mengambil kesimpulan betapa dan bagaimana sebab yang melemahkan murid-murid yang sedang naik itu belajar. Hendak juga diperhati akan ajaran Islam, anak-anak yang sedang naik yang adik-beradik itu, yang pada masa kecilnya seketiduran dan sehamparan hendaklah dipisahkan – ini adik beradik – apalagi yang lain. Sedarlah!

\* \* \*

Tatkala membahaskan berkenaan kutipan zakat fitrah maka Tuan Sheikh Ahmad, Menteri Besar Perlis telah memberi harapan kepada pegawai-pegawai masjid akan mendapat habuan

dengan katanya, “Kami akan menimbangkan tambahan elaun mereka (pegawai-pegawai masjid dan imam) **jika kutipan zakat fitrah bertambah.**”

Daripada kalimat ini nyata bahawa wang kutipan zakat fitrah (bukan zakat harta) adalah digunakan untuk memberikan elaun kepada imam-imam dan pegawai masjid – tentunya bertentangan dengan ajaran-ajaran yang ditunjukkan oleh Rasulullah (S.A.W).

Terlanjur menceritakan soal zakat molek pula dipaparkan bahawa zakat fitrah itu datang wajibnya pada malam hari raya. Pungutan-pungutan zakat fitrah sebelum masa yang tersebut tidak diwajibkan dan tidak boleh dipaksakan kerana mungkin sebelum malam hari raya itu seseorang telah meninggal dunia dan mungkin ia papa. Pembayaran sebelum daripada tarikh itu tidak boleh dipaksa dan tidak boleh dimestikan seseorang itu membayar sebelum masa yang tersebut. Apabila seseorang tidak membayarnya dalam masa yang tersebut maka orang itu berdosa kepada Allah dan apabila dipaksakan, dihukum atau dibicarakan mesti dibayar sesudah masa yang tersebut – sifatnya tidak lagi pembahagian ini juga yang difardukan sebelum hari raya itu dan ini tidak dapat dilaksanakan oleh sesuatu organisasi atau kerajaan. Oleh yang demikian perseorangan itu yang lebih tahu kepada siapa zakat fitrah itu yang diberikan – kepada jiran-jiran, kepada kerabatnya yang hampir – kerana mereka lebih tahu – bukan zakat itu diuntukkan kepada sekolah, kepada imam, kepada orang naik haji atau kepada lainnya – yang berhak hanya semata-mata *fuqarā’* dan *masākīn*. Ini terbukti di atas masa wajibnya zakat itu dikeluarkan dan masa pembahagian untuk zakat itu.

Berdasarkan ini orang bertanya, adakah pejabat-pejabat agama di seluruh Tanah Melayu dan organisasi yang memungut zakat fitrah yang membahagikannya di luar *fuqarā’* dan *masākīn*

telah merampas hak *fuqarā’* dan *masākīn* dan apa pula halnya pungutan zakat fitrah itu disimpan pada tahun hadapan? Jawabnya masing-masing siap nanti di hadapan Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* – yang ingat hanya memperingatkan sahaja.

\* \* \*

Dr. Burhanuddin, Ketua Agung PAS yang ditahan di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri semenjak 29 Januari 1965 telah dibebaskan. Pembebasan itu tidak mutlak – ada syarat-syaratnya di antaranya: (1) Tidak boleh mengambil bahagian dalam politik seperti ucapan-ucapan dalam rapat-rapat umum atau mesyuarat-mesyuarat parti atau memegang jawatan politik; (2) tidak boleh keluar dari negeri Perak dengan tidak izin pihak yang berkuasa.

Bagi seorang pejuang politik kebebasan yang seperti ini tidak ada ertinya – tidak dapat berjuang, adalah sangat sulit bagi seorang yang telah sebat dengan jiwa politik. Kerana itu Dr. Burhanuddin dikatakan memandang bahawa kebebasan yang seperti itu sama ertinya dengan tidak ada kebebasan dan mungkin bagi beliau lebih senang di dalam tahanan daripada duduk di luar dengan mendengar, memandang dan mengetahui keadaan sekelilingnya tetapi tidak dapat bersuara dan tidak dapat bergerak. Kan lebih baik tinggal di dalam tahanan – makan cukup, tidur lena dan mutalaah banyak. Tentulah begitu perasaan beliau.

\* \* \*

A. Ghafar bin Baba tatkala membuka Kongres Kecil Ekonomi Bumiputera anjuran kerajaan Negeri Melaka menyatakan bahawa selagi negara Malaysia yang sempurna dan bersatu tidak mungkin dilahirkan sekiranya terdapat perbezaan ekonomi yang besar di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang yang bukan Melayu yang menjadi warganegaranya. Orang-orang yang bukan Melayu, terutama ahli-ahli perniagaan mestilah memahami dengan sungguh-sungguh dasar-dasar kerajaan

Perikatan dan membantu dan menolong orang Melayu di lapangan perniagaan. Kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di antara orang-orang Melayu dengan yang bukan Melayu akan menimbulkan perasaan yang tidak sihat pada masa yang akan datang.

Betul, sekali lagi betul. Keadaan sekarang memangnya sudah tidak seimbang – orang-orang Melayu mungkin tidak dapat mengejar untuk keseimbangan itu; dan dalam keadaan yang demikian ini tentulah tidak dapat dibanggakan.

Tetapi rupanya A. Ghafar Baba ada mempunyai pula kebanggaannya dengan mengatakan, beliau berbangga ada mempunyai “sahabat-sahabat yang bukan Melayu di negeri Melaka yang memahami dasar kerajaan yang membantu orang-orang Melayu di lapangan perniagaan di negeri ini.” Apakah kebanggaannya itu? Kita tunggu dan kita lihat – ada mata melihat, ada telinga mendengar.

\* \* \*

Mahkamah Kanak-kanak Singapura (mahkamah yang menghukum kanak-kanak yang belum cukup umur) tatkala memberi hukuman kepada seseorang yang belum cukup umur yang menjual di sekolah cabutan nombor undi nasib telah menyatakan supaya polis bertindak untuk menghapuskan cabutan undi itu kerana ia melorongkan kanak-kanak “berjudi”<sup>1</sup>. Perintah ini nampaknya sudah pun dipatuhi oleh polis tetapi caranya tidak berkesan. Mungkin di sekolah-sekolah sahaja yang tidak dibenarkan dijual tetapi di merata-merata tempat masih terjual lagi. Kerana ini sifatnya sebagai judi tentunya yang demikian diharamkan makanya ditangkap dan yang menghairankan mengapa tempat yang mengeluarkan tarikan nombor yang serupa itu tidak diharamkan ertinya puncanya tidak dicabut. Membiarkan puncanya berleluasa bermakna membiarkan anak-anak terdedah di lapangan

judi. Kerana itu tindakan yang tepat dan berkesan sangat dikehendaki supaya ibu bapa tidak pening kepala.

\* \* \*

Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah menegaskan bahawa orang-orang yang tinggal di kawasan luar bandar adalah sihat dari orang-orang yang tinggal di kawasan bandar. Kenyataan perubatan, katanya, telah menunjukkan bahawa orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan bandar kita adalah kurang sihat daripada mereka yang tinggal di luar bandar. Beliau seterusnya menitik beratkan bahawa mereka tidak mempunyai minat terhadap sukan atau gerakan luar dan kemudian akan membuat suatu pelajaran dan dasar pekerjaan menghendaki supaya orang yang diberi peluang kerja mengambil bahagian cergas dalam pergerakan atau pergerakan luar selain daripada kepujian-kepujian tinggi di dalam peperiksaannya.

Kesihatan memang benar orang luar bandar lebih sihat daripada orang dalam bandar – ini tidak dapat dinafikan terutamanya di dalam masa kita ini. Orang luar bandar menghirup udara yang nyaman dan luas, memakan makanan yang bersih tetapi berlainan dengan orang bandar pada masa sekarang. Sungguhpun rumah orang dalam bandar bersih, bertingkat tetapi makanan yang dibeli di pasar-pasar tidak cukup bersih kerana di pasar-pasar itu sendiri tidak bersih dan di sana sini pondok-pondok jualan makanan mercup, kebersihan tidak dijaga – membasuh makanan di situ, mencuci pinggan pun di situ. Bagaimana orang bandar hendak sihat. Kalau hendak menyihatkan orang bandar maka Perdana Menteri Singapura itu sendiri mestilah mengawal kebersihan jualan makanan di dalam bandar.



<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah berjudi.